

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	13 January 2016



**PM ZIARAH KELUARGA BEKAS
SETIAUSAHA SULIT TUN RAZAK**

Um - 13/1/2016

ALLAHYARHAM
ABD. AZIZ HUSSAIN

PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan bekas Setiausaha Sulit ayahandanya, Allahyarham Datuk Abd. Aziz Hussain (gambar kecil) sebagai seorang insan yang amat bertimbang rasa.

Beliau berkata, Abd. Aziz banyak membantu Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein semasa ayahandanya itu menjadi Perdana Menteri.

Najib turut menyatakan kesyukuran kerana dapat menziarahi keluarga Allahyarham Abd. Aziz dan menunaikan solat jenazah di Masjid Al-Akram, Kampung Datuk Keramat di Kuala Lumpur, semalam.
"Takziah saya sekeluarga kepada keluarga arwah.

Semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat. Al-Fatihah," katanya melalui laman Facebook beliau semalam.

Abd. Aziz, 83, meninggal dunia di kediamannya di Bukit Keramat, Kuala Lumpur, semalam dan jenazahnya dikuburkan di Tanah Perkuburan Islam Datuk Keramat.

Allahyarham yang juga bekas Timbalan Ketua UMNO Bahagian Maran pernah memegang jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang serta Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya.

Beliau meninggalkan seorang isteri, Datin Noraini Yahya, 62, serta dua anak perempuan, seorang anak lelaki dan beberapa orang cucu.